

26 OCT 1997

Zainal-Ekonomi

NEGARA MEMBANGUN MESTI BERSATU HADAPI SPEKULATOR

PETALING JAYA, 26 Okt (Bernama) -- Negara-negara membangun di rantau Asia-Pasifik perlu bersatu untuk menentang spekulator mata wang dan melindungi ekonomi masing-masing, kata Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Zainal Rampak.

"Keadaan tidak menentu berterusan yang berpunca daripada kelemahan mata wang akan menyebabkan kemelesetan ekonomi serantau yang kemudiannya menyebabkan banyak syarikat ditutup, pembuangan pekerja, masalah pengangguran dan masalah sosial," kata beliau kepada pemberita di ibu pejabat MTUC di sini, hari ini.

Beliau berkata, MTUC dimaklumkan bahawa kira-kira 40,000 pekerja telah dibuang kerja di Thailand dan jumlah itu mungkin meningkat kepada 1.4 juta tidak lama lagi jika langkah-langkah segera tidak diambil untuk mengatasi masalah itu.

Menurut Zainal lagi, masalah itu mungkin turut menular ke Indonesia dan Filipina yang akan menyebabkan berjuta-juta keluarga di Asia Tenggara menghadapi kehidupan yang sukar "dan keadaan sedemikian tidak ingin dilihat oleh kerajaan, kesatuan sekerja atau pertubuhan."

Sebagai pusat kesatuan sekerja negara ini, MTUC bimbang mengenai perkembangan terbaru dalam bidang ekonomi dunia, dan bimbang bahawa kemajuan ekonomi yang dinikmati oleh negara-negara Asean selama ini akan dihapuskan oleh spekulator yang tidak bertanggungjawab seperti George Soros.

Menurut Zainal, golongan spekulator mata wang terbabit mesti dihapuskan dan orang seperti Soros tidak seharusnya diberi penghormatan oleh masyarakat antarabangsa.

Beliau berkata, MTUC merasa tersinggung kerana Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia (WB) telah menjemput Soros untuk berucap di persidangan IMF-WB yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hong Kong baru-baru ini.

"Soros bukannya seorang pemimpin negara, ataupun gabenor atau presiden sebuah bank pusat, bank simpanan mahupun pihak berkuasa kewangan mana-mana negara," kata beliau lagi.

"Beliau hanyalah seorang pengurup mata wang yang "terkenal" yang memiliki wang yang banyak dan ini bukanlah kriteria yang melayakkan beliau untuk berucap di persidangan kewangan dunia seperti yang dianjurkan oleh IMF dan WB di Hong Kong baru-baru ini," kata beliau.

Merujuk kepada keadaan ekonomi sekarang, Zainal berkata MTUC turut menyatakan sokongan tidak berbelah baginya terhadap usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan defisit akaun semasa negara untuk mengukuhkan nilai Ringgit.

Beliau berkata langkah-langkah seperti mengurangkan import, menjalankan langkah berjimat cermat dan menggalakkan penggunaan barangan tempatan adalah berkesan untuk memulihkan nilai ringgit.

Untuk tujuan itu, kata beliau, MTUC menggesa kerajaan supaya mengambil tindakan terhadap golongan yang tidak bertanggungjawab dan hanya mementingkan keuntungan bagi melindungi para pengguna khususnya menjelang musim perayaan akan datang.

Menurut Zainal, sungguhpun para pemborong dan peruncit telah diberi amaran supaya tidak menaikkan harga barangan perlu, ia tidak begitu diendahkan oleh mereka.

"Untuk memburukkan keadaan, kadar tol turut dinaikkan yang menambah

beban kewangan yang dihadapi oleh golongan berpendapatan sederhana dan rendah," kata beliau lagi.

Zainal berkata MTUC akan cuba menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan untuk meminta beliau supaya jangan meluluskan kenaikan kadar tol kerana ia akan menyusahkan rakyat. --

BERNAMA

ZAB MZ PR